

SOALAN NO: 14**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]****TARIKH : 6 Mac 2018 (Selasa)****SOALAN : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apa
tindakan yang telah diambil Kementerian
untuk mengatasi ancaman serius 'padi
angin' yang dilaporkan menjejaskan lebih
daripada **15,000 hektar sawah di Kedah
dan Perlis** dalam bulan Januari tahun ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Padi angin ialah padi yang mempunyai sifat biji mudah relai. Ciri mudah relai ini akan menyebabkan sebahagian besar padi angin tidak dapat dituai. Tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi padi angin di seluruh negara termasuklah 15,000 hektar sawah di Kedah dan Perlis ialah:

- i) mempergiatkan aktiviti pembangunan pesawah tempatan melalui Pakej Manual Teknologi Kawalan Padi Angin;
- ii) menggunakan teknologi Sistem Pengeluaran Clearfield (SPC) seperti penggunaan Varieti Clearfield (MR220 CL2) bersama racun onduy dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan;
- iii) menggalakkan kaedah penanaman menggunakan jentera menanam atau mencedung dan melaksanakan operasi penakaian (*rouging*) secara manual;
- iv) melaksanakan Amalan Pertanian Baik (MyGap) antaranya:
 - a) penyeliaan ladang yang sempurna sebelum penanaman padi seperti perataan sawah untuk pengurusan air yang sempurna;

- b) menjalankan pembersihan sawah dengan menggunakan racun rumpai 'glyphosate' sebelum menanam;
 - c) menjalankan kerja-kerja penakaian padi batat dan padi angin di sawah; dan
 - d) menggunakan benih padi sah.
- v) menjalankan petak promosi teknologi bagi menunjukkan kaedah sebenar dan aktiviti yang perlu diambil oleh pihak pesawah bagi mengatasi ancaman padi angin; dan
- vi) meningkatkan kecekapan pengurusan pembajakan dan penuaian oleh PPN Jentera di bawah LPP, bagi mengelakkan padi angin daripada merebak. Contohnya perlu memastikan jentera-jentera tersebut bersih dan bebas daripada penyakit sebelum digunakan di tempat lain.